



16 Aug 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 36 • Printed Size: 82.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,892.31
PR value: MYR 5,676.93 • Item ID: MY0026778239

 isentia mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Azmin mohon cabar laporan 1MDB dirahsiakan

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memfailkan permohonan mencabar keputusan Perdana Menteri dan dua lagi yang mengklasifikasikan Laporan Ketua Audit Negara berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai dokumen rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Permohonan itu difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, melalui Tetuan Tommy Thomas.

Mohamed Azmin menamakan Datuk Seri Najib Razak, Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang dan kerajaan Malaysia sebagai responden pertama hingga ketiga.

Beliau memfailkan permohonan kebenaran memulakan prosiding semakan atas kapasiti ahli Parlimen Gombak.

Dalam permohonan itu, Mohamed Azmin memohon deklarasi responden pertama bertindak dalam konflik kepentingan dalam mengeluarkan perakuan di

bawah Seksyen 2B OSA untuk mengelaskan laporan 1MDB sebagai rahsia rasmi.

Beliau memohon deklarasi pengelasan laporan 1MDB sebagai rahsia rasmi menyalahi undang-undang dan ultra vires (melangkai undang-undang).

Selain itu, beliau memohon perintah mandamus terhadap responden, pekerja, ejen atau dengan apa jua cara mengelaskan semula laporan 1MDB dan menyiarkan kepada orang ramai.



16 Aug 2016

Harian Metro, Malaysia

Author: No author available • Section: Setempat • Page: 41 • Printed Size: 49.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,130.77
PR value: MYR 3,392.31 • Item ID: MY0026778244

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Rancang pendapatan baru

Mempelbagaikan sumber pendapatan baru dan kebergantungan kepada hasil tanah antara cabaran kerajaan Selangor untuk menghasilkan pertumbuhan ekonomi lebih mapan.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pihaknya perlu meneruskan perancangan ekonomi jangka panjang yang strategik dengan unjuran tepat bagi mengelak belanjawan tambahan.

“Kita tidak mahu membentangkan belanjawan berimbang semata-mata mendapatkan perspektif positif pada Oktober nanti.

“Namun, pada pertengahan tahun, kita membentangkan belanjawan tambahan sehingga belanjawan sebenar menjadi defisit,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian Perbincangan Meja Bulat Belanjawan 2017 di sini, semalam.



16 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 8 • Printed Size: 121.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,391.48
PR value: MYR 7,174.44 • Item ID: MY0026779372

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Laporan audit 1MDB jadi dokumen awam

KUALA LUMPUR 15 Ogos - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali hari ini memfailkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk semakan kehakiman agar Laporan Audit 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) dinyahklasifikasi sebagai dokumen rahsia rasmi di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

Beliau yang memfailkan permohonan tersebut atas kapasiti sebagai Ahli Parlimen Gombak selaku pihak pemohon menamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan Kerajaan

Malaysia sebagai responden pertama hingga ketiga.



MOHAMED AZMIN ALI

Ini adalah kali kedua permohonan serupa difailkan iaitu pada Jumaat lalu bekas Mursyidul Am TIBAI, Muhammad Zahid Md. Arip turut memfailkan semakan kehakiman menuntut agar dokumen tersebut dijadikan dokumen awam.

Semakan tersebut difailkan di Kaunter Pendaftaran Mahkamah Tinggi di sini melalui firma guaman, Tetuan Tommy Thomas. Azmin hadir di mahkamah bersama beberapa

pemimpin pembangkang.

Pemohon dalam afidavitnya mendakwa responden pertama telah bertindak dalam keadaan yang wujudnya konflik kepentingan.

Pemohon turut menuntut perisytiharan bahawa tindakan responden kedua mengelaskan dokumen tersebut sebagai 'rahsia rasmi' adalah ultra vires (melangkaui batasan undang-undang) dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, OSA dan Akta Audit 1957.

Beliau turut memohon perintah mandamus (mendesak) ke semua responden atau ejen-ejenya untuk mengklasifikasikan semula dokumen terbabit sebagai dokumen awam.



16 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 12 • Printed Size: 242.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 3,182.00
PR value: MYR 9,546.00 • Item ID: MY0026779515



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Pilihan raya awal menguntungkan?

AKHIR-AKHIR ini penulis sering ditanya oleh kawan-kawan kemungkinan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) diawalkan. Mereka memberi beberapa hujah untuk mengukuhkan kemungkinan itu.

Pertama, Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak, Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar boleh dijadikan ukuran tentang momentum sokongan rakyat kepada Barisan Nasional (BN). Jumlah kerusi yang diperoleh di Sarawak agak besar dan jumlah undi di Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar majoritinya besar berbanding dengan PRU-13. Kelahiran parti Pribumi Bersatu Malaysia tidak akan banyak membantu malah boleh jadi masalah.

Kedua, parti pembangkang dalam keadaan yang bercelaru keadaannya. DAP Pulau Pinang tidak berani meneruskan PRN bimbang akan hilang banyak kerusi khususnya PKR. Dengan kes mahkamah Lim Guan Eng yang bakal didengar pada September nanti masyarakat akan didedahkan apa yang sebenarnya terjadi dan kemungkinan Guan Eng didapati bersalah tetap ada.

Status Jawatankuasa Pusat DAP (CEC) yang dipertikai oleh Pejabat Pendaftaran Pertubuhan (ROS) masih belum selesai dan kalau ROS mahu pergi lebih jauh apa-apa boleh berlaku kepada DAP.

Isu jambatan ketiga dan terowong masih buntu kerana Guan Eng enggan menyerahkan dokumen yang berkaitan kepada menteri berkaitan. Isu-isu ini ingin dijadikan modal politik PRU-14 atas tuduhan konspirasi dan strategi Pusat untuk menjatuhkan DAP.

Ketiga, hal-hal yang sama berlaku dalam PKR. Umum mengetahui isu lama kepimpinan Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail dan pengaruh kelompok Datuk Seri Mohamed Azmin Ali di Selangor masih belum terlerai. Langkah Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai beberapa tuduhan terhadap Mohamed Azmin adalah tidak sepatutnya berlaku seolah-olah organisasi PKR tidak ada disiplin yang tersendiri.

Keempat, PAN sendiri mengambil sikap tunggu dan lihat dan masih terus mengambil sikap bermusuhan dengan Pas dan menunggu PRU-14 untuk menguji pengaruhnya dalam politik. Pas sendiri sering membuat kenyataan bahawa parti itu akan bertanding bersendirian walaupun realiti pakatan pembangkang sudah berubah. Logik politik tidak akan menyebabkan Pas boleh menang besar sekiranya bertanding bersendirian. Di kawasan yang Pas ada pengaruh PAN akan bertanding dan sebahagian pengundi Pas akan beralih ke PAN.

Kalau ini terjadi tidak mustahil Pas boleh hilang Kelantan. Ini tidak bermakna PAN boleh memerintah. Hal yang sama boleh berlaku di Selangor kerana pergantungan PKR terhadap Pas di Selangor amat tinggi. Ini juga boleh menyebabkan Pakatan Harapan di Pulau Pinang bakal menghadapi cabaran juga.

Kelima, isu pertandingan tiga penjurong sangat merisaukan kepimpinan PKR. Penubuhan parti baharu tidak banyak memberi kesan malah boleh membawa kesan lebih parah terhadap pembangkang.

Di tengah-tengah Pas mengambil sikap bersendirian dan memilih untuk bertanding tiga penjurong, ini semacam memberi ruang yang lebih kepada UMNO/BN mendapat majoriti yang lebih besar kerana tidak mungkin DAP dan PAN akan berbaik dengan Pas semula dan tidak mustahil DAP, PKR, PAN dan Pas akan menghadapi masalah di Selangor.

Jika ini faktornya kata kawan-kawan mempercepatkan PRU-14 membolehkan UMNO/BN dapat majoriti tinggi. Kemenangan UMNO/BN dengan majoriti besar bakal mengatasi masalah politik Terengganu. Mengukuhkan politik UMNO/BN Perak bakal terjadi dan Selangor tidak mustahil terlepas dari Pakatan Harapan.

Persidangan UMNO di peringkat bahagian di seluruh negara memperlihatkan sokongan yang kuat terhadap kepimpinan parti itu sendiri terutama pendirian terhadap tokoh-tokoh UMNO dulu yang berseksongkol dengan anasir luar mempelawa pihak luar campur tangan urusan Malaysia.



16 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 14 • Printed Size: 65.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,284.68
PR value: MYR 3,854.04 • Item ID: MY0026779677

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Sampah tidak dipungut

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin mengadu mengenai masalah sampah yang tidak dipungut pada 9 Ogos lalu di Jalan SP 15 Taman Sri Putra Sg. Buloh.

Masalah ini turut melibatkan kegagalan mengikut jadual kutipan iaitu pada setiap Selasa sehingga menyebabkan bau busuk dan mengotorkan kawasan perumahan kami.

Saya telah mengemukakan emel kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang dan sedang menunggu tindakan atau maklum balas pihaknya.

Saya berharap tindakan segera diambil untuk menyelesaikan masalah ini dan mohon masalah sama tidak berulang lagi kelak.

PENDUDUK SRI PUTRA
Sg. Buloh, Selangor



1MDB: Cabar ketepi rahsia rasmi

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali failkan permohonan kebenaran semakan kehakiman bagi cabar keputusan Ketua Audit Negara yang mengklasifikasikan Laporan Ketua Audit Negara ke atas 1MDB sebagai rahsia rasmi

► Mohamed Azmin (tengah) berbincang sesuatu dengan peguamnya, R Sivarasa (kanan) setibanya di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur untuk memfailkan semakan kehakiman bagi mencabar keputusan Perdana Menteri dan dua lagi yang mengklasifikasi laporan Ketua Audit Negara berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA), semalam.



Dedah laporan 1MDB

■ SITI AZIELAH WAHI

KUALA LUMPUR - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali memfailkan permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman untuk mencabar tindakan Ketua Audit Negara mengklasifikasikan Laporan Ketua Audit Negara ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai rahsia rasmi.

Mohamed Azmin memfailkan permohonan itu di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui firma guaman Tetuan Tommy Thomas semalam, dengan menamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan kerajaan Malaysia sebagai responden.

Beliau turut menuntut satu perintah mandamus yang menghendaki responden atau ejennya mengklasifikasikan semula laporan 1MDB dan mendedahkan kepada orang ramai.

- Berdasarkan affidavit sokongannya, Mohamed Azmin menuntut Laporan Audit Negara berhubung 1MDB yang diklasifikasi sebagai rahsia rasmi menurut Seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) diklasifikasikan semula sebagai dokumen awam.

Antara lain, beliau juga menyatakan alasan bahawa Ambrin tiada kuasa untuk mengklasifikasikan laporan itu sebagai rahsia rasmi kerana kuasa untuk berbuat demikian menurut Seksyen 2B OSA hanya

terserah kepada pegawai awam.

"Tindakan mengklasifikasikan laporan itu sebagai rahsia rasmi adalah konflik kepentingan dikeluarkan oleh Najib.

"Keengganan responden mengklasifikasikan semula laporan berkenaan adalah tidak munasabah," katanya di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau menuntut deklarasi mahkamah bahawa laporan 1MDB sebagai rahsia rasmi menurut OSA adalah menyalahi undang-undang dan ultra vires.

Mohamed Azmin turut menuntut satu perintah mandamus yang menghendaki responden atau ejennya mengklasifikasikan semula laporan 1MDB dan mendedahkan kepada orang ramai.



16 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Siti Azielah Wahid • Section: Nasional • Page: 1,2 • Printed Size: 371.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,328.40
PR value: MYR 18,985.20 • Item ID: MY0026778058

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Mohamed Azmin (tengah) ketika memfailkan permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman berhubung laporan 1MDB, semalam.



16 Aug 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 2 • Printed Size: 133.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,269.00
PR value: MYR 6,807.00 • Item ID: MY0026778157

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Bimbang jejas ekonomi Selangor

SHAH ALAM - Pendedahan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) berhubung skandal 1MDB yang berterusan dikhuatiri akan terus menjejaskan pertumbuhan ekonomi Selangor.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerajaan negeri bersyukur Selangor terus meraih keyakinan pelabur walaupun Malaysia mengalami kemerosotan keyakinan.

"Malaysia sebagai sebuah eko-

“ Ia tambah menyuramkan ekonomi domestik dengan pendedahan DOJ berhubung skandal 1MDB yang berterusan.” - Azmin

nomi terbuka mungkin terkesan dengan dampak pasca Brexit. Ia tambah menyuramkan ekonomi domestik dengan pendedahan DOJ berhubung skandal 1MDB yang berterusan.

“Tapi Selangor terus raih ke-

yakinan pelabur dari dalam dan luar negara kerana kerajaan negeri berpegang prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam pentadbiran,” katanya.

Katanya, ia dapat dibuktikan dengan Laporan Mida 2015 yang melaporkan kejayaan Selangor.

“Selangor mencatatkan kedudukan di tangga kedua dalam pelaburan sektor perkhidmatan dengan nilai pelaburan RM2.36 bilion dan tempat ketiga dalam pelaburan sektor pembuatan dengan jumlah pelaburan bernilai

RM7.96 bilion,” katanya.

Dalam masa sama, kerajaan negeri katanya, turut menyasarkan jumlah pelaburan sebanyak RM6 bilion menjelang akhir tahun dan menggesa industri kecil dan sederhana (SME) merebut peluang.

“Saya menggesa SME ambil peluang tersebut untuk meningkatkan pelaburan dan teknologi dalam melaksanakan modenisasi terhadap operasi bagi meningkatkan produktiviti,” katanya di sini, semalam.

| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|--------------------|
| Headline | Gagasan suburkan amalan demokrasi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 16 Aug 2016 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 35 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 85 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 837 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,511 |



Gagasan suburkan amalan demokrasi

SHAHALAM - Pas negeri ini mengalu-alukan penubuhan Gagasan Sejahtera (Gagasan) yang dipimpinnya dan buat masa ini dianggotai Pas dan Iktan.

Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, penubuhan Gagasan yang merupakan blok ketiga memberi lebih banyak pilihan kepada rakyat Malaysia.

"Ia bermakna lebih banyak bentuk penyelesaian kepada masalah negara akan di-

bentangkan kepada rakyat dan akan menyuburkan serta mematangkan lagi amalan demokrasi di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kewujudan banyak blok politik bukan satu perkara yang asing khususnya di negara-negara maju.

Katanya lagi, pemimpin-pemimpin politik perlu mengambil sikap yang terbuka dengan penubuhan Gagasan.

"Pas Selangor yakin Gagasan akan berkembang de-

ngan lebih banyak parti politik sebelum pilihan raya umum yang akan datang.

"Malah kami yakin Gagasan akan di dokong oleh NGO-NGO dan tokoh-tokoh yang berpengaruh," katanya.

Justeru itu, Iskandar percaya aspirasi Gagasan ini adalah bagi membawa kesejahteraan kepada rakyat Malaysia yang gagal dilakukan Barisan Nasional untuk dikongsi tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|-----------------|---------|------|------|
| _MOnly (_MOnly) | 1 | 0 | RM 0 |

GIST(ENGLISH)

N/A

| | | | |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pelaksanaan perlu menyeluruh | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 16 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 279,000 |
| Page No | 10 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 165 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,815 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,445 |



Pelaksanaan perlu menyeluruh

SHAH ALAM - "Tidak kira apa pendekatan yang diambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tapi ia perlu dilakukan secara menyeluruh," kata Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Menurutnya, beliau setuju dan menyokong, tetapi ia perlu dilakukan bukan sahaja kepada penjawat awam biasa, tetapi termasuk juga kepada pemimpin-pemimpin negara.

"SPRM juga perlu lebih proaktif, telus dan amanah dalam usaha ini dan perlu menjadi badan yang tak terikat dengan mana-mana kuasa individu ataupun kerajaan dalam membentaras gejala ra-



AHMAD YUNUS

MOHD KHAIRUDDIN

suah ini.

"Bukan saja penerima rasuah yang harus serah diri (mungkin tidak akan berlaku) tetapi pemberi dan perantara juga harus serah diri, beri maklumat dan kerjasama kepada SPRM," katanya.

Sementara itu, -Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman turut senada dengan

Ahmad Yunus meminta cadangan perkhidmatan awam bersih gejala rasuah dimulakan dengan menteri dan pegawai berjawatan tinggi.

Menurutnya, SPRM kini sedang menghadapi krisis keyakinan dalam kalangan rakyat.

"Ini disebabkan terlalu banyak 'top people' di SPRM

yang dilihat meninggalkan institusi SPRM secara tiba-tiba.

"Hasrat itu langkah yang baik, namun rakyat mahu melihat pelaksanaannya perlu dilakukan dengan betul tanpa melindungi mana-mana pihak," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mohd Khairuddin berkata, dalam keadaan semasa juga, SPRM dilihat gagal menangani gejala rasuah dalam kalangan penjawat tinggi kerajaan.

"Ikan bilis (kategori perkhidmatan, bawahan) disuruh isytihar harta tapi yang berjawatan tinggi dilihat kebal.

"Buktikan kepada rakyat mereka yang berpengaruh bukan kebal undang-undang, jangan hanya 'ikan bilis' saja yang diminta serah diri kerana rasuah," katanya.

VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|---|---------|------|------|
| Government Employees (Government Employees) | 1 | 0 | RM 0 |
| Malaysian Anti-Corruption Commission (Malaysian Anti-Corruption | 14 | 0 | RM 0 |

GIST(ENGLISH)

N/A



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Mahu lokasi pembakaran ditutup

Lebih 10,000 penduduk sengsara hidu bau asap sejak lebih tiga tahun akibat aktiviti pembakaran terbuka

PUCHONG – Lebih 10,000 penduduk sekitar Fasa 8 B Taman Putra Prima dan Kampung Seri Aman terjejas apabila aktiviti pembakaran terbuka didakwa dilakukan berhampiran kediaman mereka.

Difahamkan, aktiviti itu berlaku sejak lebih tiga tahun lalu dan penduduk kini tidak dapat menahan kesannya berikutan lokasi pembakaran bertambah kepada lima tahun ini selain pembakaran dilakukan secara besar-besaran.

Wakil penduduk, Brian Law berkata, tahap kesihatan penduduk di kawasan kediaman berdekatan merosot dan kualiti udara pula dilihat membimbangkan.

"Mereka bakar hampir setiap hari, kalau datang malam boleh tengok bagaimana asap berkepul-kepul di udara.

"Paling terjejas penduduk yang tinggal dengan jarak kira-kira 200 meter dari tempat pembakaran itu," katanya.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Putra Prima Fasa 8B, Kiew Kian Shong berkata, pihaknya sudah bertemu dengan pelbagai agensi kerajaan untuk meminta bantuan menyelesaikan isu terbabit namun tiada maklum balas.

Menurutnya, kesihatan penduduk terjejas apabila terpaksa menghidu asap pembakaran sampah malah ada antara mereka menghidap asma yang teruk.

"Kami langsung tak dapat 'enjoy' udara segar terutama pada waktu malam, bila balik kerja terus kena tutup tingkap dan pintu kerana habuk serta debu hasil pembakaran masuk ke dalam rumah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tiada siapa peduli

Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo yang menerima aduan penduduk berkata, beliau kecewa masalah tersebut gagal diselesaikan pihak berkenaan.

Menurutnya, sampah dibawa dari luar kemudian sisa buangan dibakar di beberapa tempat termasuk di Jalan Berkat Kampung Seri Aman, Lorong Aman Tambahan Puchong dan Kampung Seri Aman Mas.

"Saya rasa dukacita terhadap kerajaan negeri dan kerajaan pusat... saya kesal seolah-olah masalah ini tidak diendahkan sedangkan ia dah berlanjutan selama tiga tahun, tiada siapa peduli dan ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, aduan sudah dibuat kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan mesyuarat diadakan bersama agensi berkaitan.

Gobind berkata, bagaimanapun pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dakwanya hanya mempunyai kuasa penguatkuasaan termasuk membawa kes ke mahkamah.



Gobind dan penduduk ketika meninjau lokasi pembakaran sampah terbuka di Kampung Seri Aman.

Beliau berkata, sudah dapat dikenal pasti tiga daripada tanah yang menjadi lubang pembakaran terbuka kepunyaan individu manakala dua lagi hak milik kerajaan negeri.

"Persoalan timbul mengapa pe-

jabat tanah membiarkan masalah berterusan di tanah milik kerajaan negeri.

"Siasatan dijalankan mendapati sampah bercampur tersebut dibawa kontraktor luar untuk melupuskan-

nya secara haram.

"Kita mahu masalah ini diselesaikan sepenuhnya, kerajaan negeri kena ambil tindakan di bawah Kanun Tanah Negara terhadap tanah dimiliki individu dan saya cadangkan tanah ini dirampas," katanya.

Untuk sementara waktu, beliau mahu agensi kerajaan menutup kawasan pembakaran supaya tiada akses kepada lori untuk membuang sampah.

Beliau sebelum itu berkata, akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk membincangkan masalah tersebut sekiranya ia masih gagal diselesaikan.

"Saya nak minta beliau lihat sendiri masalah ini... jika pejabat tanah tidak boleh selesaikan masalah, saya cadang tanah milik kerajaan negeri diserahkan kepada MPSJ supaya pihak itu tahu apa perlu dibuat," katanya.



Sampah dilonggok tinggi sebelum dibakar pihak tidak bertanggungjawab menyebabkan penduduk sekitar mendakwa kesihatan mereka merosot.



Brian menunjukkan indeks kualiti udara dicatat pada 1 Ogos lalu ketika aktiviti pembakaran terbuka dilakukan berhampiran dengan kediamannya.

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Selangor tak pandang rendah Terengganu | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 16 Aug 2016 | Color | Full Color |
| Section | Sukan | Circulation | 279,000 |
| Page No | 55 | Readership | 837,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 194 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,309 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,928 |



Selangor tak pandang rendah Terengganu



Nazmi Faiz (kiri) mungkin tidak dapat diturunkan akibat kecederaan.

PENGENDALI sementara Selangor, K Gunalan mengharapkan pemainnya terus mengekalkan rentak kemenangan ketika berdepan Terengganu dalam saingan Liga Super, malam ini.

Menurutnya, dia yakin pasukan kendaliannya mampu meraih tiga mata berdasarkan persembahan meyakinkan dalam dua perlawanan terdahulu.

Bagaimanapun, kata pengendali berusia 50 tahun itu, dia tetap mengingatkan pemainnya supaya tidak me-

mandang rendah Terengganu yang mungkin cuba bangkit selepas mengalami prestasi buruk.

“Memang kami mahu tiga mata dan ia dilihat tidak terlalu sukar untuk dicapai apatah lagi kita bermain di laman sendiri. Tiga mata ini juga amat penting kerana kita mahu mengekalkan antara pasukan yang berada di kedudukan teratas liga.

“Kami juga tahu Terengganu dalam situasi terumbang-ambing, tetapi kami tidak sesekali memandangi

rendah keupayaan mereka,” katanya.

Mengulas mengenai kecederaan pemain, Gunalan membayangkan pemain tengahnya, Nazmi Faiz Mansor dan penyerang, Mauro Olivi mungkin tidak dapat diturunkan akibat kecederaan.

“Kita masih menilai tahap kecergasan mereka dan kita juga mungkin akan menurunkan barisan simpanan malam ini kerana pada Sabtu akan ada perlawanan Piala Malaysia menentang Kuala Lumpur,” katanya.

VALUATOR

| Company(Brand) | Mention | Tone | ROI |
|--|---------|------|------|
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup) | 1 | 0 | RM 0 |
| Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League) | 1 | 0 | RM 0 |

GIST(ENGLISH)

N/A



16 Aug 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 69.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 679.00
PR value: MYR 2,037.00 • Item ID: MY0026778169

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

MPAJ laksana program pemutihan

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya kini melaksanakan program pemutihan bagi rumah kediaman jenis teres, berkembar dan sesebuah bagi bangunan bertanah yang tiada kelulusan MPAJ serta binaan tidak mematuhi anjakan ditetapkan.

Pegawai Komunikasi

Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, program ini dilaksanakan setahun berkuat kuasa 1 Jun lalu hingga 31 Mei 2017.

"Kita berharap pemilik rumah atau kontraktor mematuhi syarat yang telah ditetapkan, kita turut menyediakan kaedah Permohonan Program

Pemutihan Pelan Tambahan Dan Ubahsuai.

"Kaedah permohonan adalah mereka perlu mengemukakan empat set pelan siap bina (as built) untuk kelulusan. Pelan siap bina perlu disediakan arkitek atau pelukis pelan bangunan berdaftar dengan MPAJ," katanya.

Menurutnya, pihak berkenaan juga perlu kemukakan surat Aku Janji Tanggungjawab oleh pemilik rumah untuk binaan tambahan dan ubahsuai sedia ada.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Jabatan Bangunan dan Senibina di talian 03-42968009.



Kaji garisan kemiskinan baharu

SHAHALAM- Kerajaan Selangor bercadang mengkaji semula paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) di negeri itu yang kini berada pada kadar RM1,500 sebulan kepada RM1,980 sebulan, sejajar dengan cabaran ekonomi semasa.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hasil kajian dilakukan dua universiti iaitu Universiti Selangor (Unisel) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) mendapati PGK baharu di Selangor perlu ditetapkan pada kadar 60 peratus daripada median pendapatan isi rumah Selangor iaitu RM3,300.

Namun, beliau berkata, ia sekadar cadangan hasil kajian yang dibuat dan belum lagi diputuskan.

"Tapi ini hanya cadangan. Belum lagi diterima kerana kita kena lihat juga dari implikasi sumbangan kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri," katanya di sidang media selepas pembukaan Perbincangan Meja Bulat Belanjawan 2017, semalam.

Katanya, ia perlu dibincangkan terlebih dahulu di Putrajaya termasuk sumbangannya kepada negeri berdasarkan PGK baru.

"PGK tersebut perlu disemak

semula berdasarkan justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan.

"Kalau ia menjadi PGK baru, kita perlu bincangkan dengan Putrajaya tentang sumbangan mereka kepada negeri dan implikasi kewangan negeri bagi memenuhi hasrat itu.

Katanya, ia sejajar dengan falsafah kerajaan negeri yang mahu meningkatkan mutu kehidupan



AZMIN

masyarakat.

"Falsafah kerajaan negeri adalah untuk mengangkat mutu kehidupan masyarakat desa setara moden dengan mengekalkan ciri-cirinya,

"Rakyat mahu perkhidmatan perbandaran efektif,

persekitaran harmoni, perkhidmatan kesihatan sanitasi serta pengangkutan dan infrastruktur asas yang baik," katanya.



MDHS sita premis culas bayar cukai

Beri notis dua minggu awal, premis enggan lunas cukai taksiran disita

BUKIT SENTOSA- Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) menjalankan operasi sita terhadap premis yang enggan melunaskan cukai taksiran dan mempunyai tunggakan.

Pegawai Komunikasi Korporat MDHS, Junainah Abdullah berkata, operasi dijalankan di sekitar Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa.

"Sebanyak 19 waran dikeluarkan ke atas premis yang gagal membayar cukai taksiran dan mempunyai tunggakan cukai dengan MDHS.

"Sebelum operasi dibuat, kita telah beri notis dua minggu lebih awal iaitu 14 hari sebelum operasi bagi memudahkan mereka melunaskan tunggakan cukai," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Bagaimanapun, menurutnya, MDHS berhak mengeluarkan waran ke atas premis yang gagal menjelaskan cukai dalam tempoh enam bulan.

"Selepas notis 14 hari dikeluarkan, masih ada premis masih berdegil dan enggan melunaskan cukai. Justeru itu, kita terpaksa merampas semua peralatan dan perkakas premis serta menyerahkan waran kepada premis terlibat," katanya.

Katanya, pemilik premis boleh menuntut semula peralatan dan perkakas yang dirampas MDHS bagaimanapun perlu menjelaskan cukai terlebih dahulu.

"Premis yang terlibat dalam operasi ini ada yang gagal jelaskan cukai hingga RM9,000.

"Untuk rekod, bermula Januari hingga kini, MDHS telah mengeluarkan 120 waran ke atas premis yang gagal melunaskan cukai dan mempunyai tunggakan," katanya.


Beliau berkata, kebanyakan premis akan tampil membuat bayaran selepas sitaan.

"Setakat ini, kita belum lagi membuat lelongan ke atas barangan premis kerana kebanyakan mereka akan tampil membuat bayaran.

"Jika ada pihak yang masih keliru dengan sistem kami, sila berhubung dengan majlis dan kita boleh berbincang bagi mengelakkan sebarang kekeliruan berlaku," katanya.

Menurutnya, unit sitaan MDHS akan bergerak ke seluruh Hulu Selangor setiap hari dan mempunyai uniform khas.

"Selain uniform khas, unit ini juga bergerak dengan 10 kekuatan anggota," katanya.



Unit Sitaan MDHS merampas peralatan dan perkakasan premis terlibat.



Mahu perkuburan baharu

Tapak yang ada di kawasan Ampang sudah hampir penuh

AMPANG - Penyediaan tapak perkuburan Islam baharu bagi kawasan Ampang Jaya perlu disegerakan berikutan ruang di tapak sedia ada sudah kritikal.

Tinjauan *Sinar Harian* di salah sebuah tapak perkuburan di Ampang iaitu Tanah Perkuburan Islam Bukit Permai 2 atau lebih dikenali Pusara Permai Ampang didapati hampir penuh.

Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Mohamad Samat berkata, MPAJ telah mengedarkan makluman kepada masjid dan surau serta pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan dengan agama Islam berhubung isu Pusara Permai Ampang yang telah penuh.

"Makluman itu telah diedarkan sejak minggu ini. Pusara Permai Ampang telah dibuka kepada umum sejak awal 2013 dan kini telah penuh," katanya.

Menurutnya, isu itu secara tidak langsung menimbulkan kebimbangan dan kerisauan masyarakat beragama Islam di Ampang Jaya kerana tapak perkuburan di kawasan ini agak terhad.

Beliau berkata, MPAJ telah menyediakan lokasi tapak perkuburan sedia ada di Kemensah, dan pihaknya menganggarkan tapak yang ada hanya sebanyak 1,200 unit kubur di kawasan itu.

"Lokasi lain adalah di Tapak Perkuburan Kampung Cheras Baru anggaran tapak yang masih kosong kira-kira 500 unit kubur," katanya.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan MPAJ dalam perancangan memohon kepada kerajaan negeri untuk menggazet 20.8 hektar



Pusara Permai Ampang yang telah penuh.

tanah di kawasan pentadbiran MPAJ untuk tapak perkuburan Islam.

Menurutnya, pihaknya berharap perancangan itu dapat dilaksanakan segera kerana jumlah kubur di kawasan tersebut sudah kritikal.

Dalam perkembangan sama, MPAJ bertanggungjawab menguruskan tapak perkuburan di bawah kawasan pentadbiran MPAJ sejak 2010.

Mohamad berkata, ia termasuk kerja pemeliharaan dan landskap.

"Kita mahu melihat tanah perkuburan yang

diuruskan secara profesional.

"Waris juga disarankan agar bersama-sama membersihkan kubur ahli keluarga masing-masing dalam tempoh dua kali setahun," katanya.

Beliau berkata, MPAJ turut melaksanakan Sistem Pengurusan Tanah Pusara MPAJ.

Menurutnya, sistem itu dibangunkan khas untuk masjid di bawah pentadbiran MPAJ bagi tujuan pengurusan tanah pusara.

"Pihak masjid dan waris boleh mencari maklumat yang dikehendaki dengan lebih cepat," katanya.



16 Aug 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 41 • Printed Size: 43.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 423.00
PR value: MYR 1,269.00 • Item ID: MY0026778172

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Meriahkan Karnival Sihat Selangor

SAUJANA UTAMA - Orang ramai dijemput hadir memeriahkan Karnival Sihat Selangor Peringkat Daerah Kuala Selangor 2016 dan Hari Bertemu Pelanggan Majlis Daerah Kuala Selangor 2016.

Program yang akan diadakan pada Sabtu ini akan dirasmikan Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr Daroyah Alwi.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan bermula jam 7 pagi seperti kempen berjalan 1,000 langkah, senamrobik, pemeriksaan kesihatan percuma, sukaneka dan cabutan bertuah.

Penduduk setempat dan orang ramai digalakkan memeriahkan program di Dewan Saujana Utama 1 dengan pelbagai gerai pameran kesihatan dan sesi ceramah kesihatan.



Bantu ibu tunggal, asnaf jana ekonomi

AMPANG - Yayasan Kasih Sayang Malaysia buat julung kalinya menganjurkan Program Jelajah Karnival Kenduri Rakyat 'Bekwoh' 2016 di Dewan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Bukit Naga, Seksyen 32, Shah Alam.

Yang Dipertua yayasannya, Maimunah Ismail berkata, program dua hari pada 30 dan 31 Ogos ini, inisiatif yayasan membantu golongan ibu tunggal dan asnaf menjana ekonomi mereka.

"Sebanyak 120 gerai disediakan pada karnival ini, dengan 20 gerai penjualannya terdiri daripada ibu

tunggal dan asnaf," katanya.

Menurutnya, program itu adalah kesinambungan program yang dianjurkan di Kelantan.

Beliau berkata, program itu pertama kali diadakan di Selangor dan pihaknya menyediakan pelbagai aktiviti bermanfaat untuk setiap lapisan masyarakat sepanjang ia dijalankan.

Maimunah berkata, antara program utama adalah seminar motivasi melibatkan 300 pelajar sekolah rendah dan menengah dari beberapa sekolah terpilih.

"Selain jualan amal, kita turut

menganjurkan bengkel masakan untuk ibu tunggal, kenduri amal, persembahan kebudayaan dikir barat, sukan rakyat serta cabutan bertuah dan pelbagai aktiviti lagi.

"Kita anggarkan 2,000 pengunjung hadir ke karnival ini," katanya pada sidang media di sebuah hotel di sini, semalam.

Beliau berkata, antara misi karnival itu diadakan supaya dapat membantu golongan masyarakat miskin tegar dari segi pembangunan modal insan, kewangan, pendidikan, kebajikan dan peluang perniagaan.

Menurutnya, ia juga dapat memupuk semangat kerjasama, muhibah dan mengeratkan hubungan silaturahim bagi mewujudkan insan pengasih dan penyayang tanpa mengira bangsa dan agama.

Maimunah berkata, golongan belia dan masyarakat setempat akan berkayuh basikal di sekitar kawasan itu pada malam ambang merdeka," katanya.

"Kita turut perkenalkan lima rumah amal seperti rumah anak yatim, tahfiz dan rumah orang tua pada aktiviti berbasikal itu," katanya.



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

S'gor may review poverty threshold income level

BY CHESTER TAY

SHAH ALAM: The Selangor government may review the poverty threshold income level from the present RM1,500 to RM1,980 per month to reflect current economic challenges, said Menteri Besar Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

A study by Universiti Selangor and Universiti Tunku Abdul Rahman recommended that the new poverty threshold income level in Selangor be set at 60% of the Selangor median household income, which was RM3,300, *Bernama* reported him as saying.

"The new poverty threshold income level is, however, only a proposal of the state government.

"We can opt and choose to retain the current level, RM1,500, which was reviewed in 2009, but looking into the current economic situation and new challenges, I strongly believe the state should review it," he told reporters after launching the roundtable discussion for the 2017 state budget yesterday.

"Here we are talking about real substantive growth that sees expansion in job creation together with establishing and enhancement of essential infrastructure, among others," he said.

Mohamed Azmin said, however, that the state government would have to study the implications of the federal government's contribution to the state should the new level be implemented.

He said the state government would have to hold discussions with the federal government on the federal contribution to the state based on the proposed level and added that the state government would have to diversify its sources of revenue and not depend only on land revenue.



16 Aug 2016

New Straits Times, Malaysia

Author: No author available • Section: Local News • Page: 8 • Printed Size: 152.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 2,759.38
PR value: MYR 8,278.14 • Item ID: MY0026778305



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Azmin seeks to declassify 1MDB report

KUALA LUMPUR: Selangor Menteri Besar Datuk Seri Azmin Ali became the second person to go to court to declassify the Auditor General's (AG) final report on 1Malaysia Development Bhd (1MDB), currently under the Official Secrets Act 1972 (OSA).

Legal firm Messrs Tommy Thomas, on behalf of Azmin, filed the judicial review application at the High Court Registry here yesterday.

On Aug 5, former Tolak Individu Bernama Anwar Ibrahim (TIBAI) (a former non-governmental organisation) spiritual leader Muhammad Zahid Md Arip filed a similar legal bid to make the document available to the public.

Azmin's judicial review application named Prime Minister Datuk Seri Najib Razak, Auditor General Tan Sri Ambrin Buang and the Malaysian government as respondents.

During a press conference at the Kuala Lumpur Courts Complex lobby here yesterday, Azmin said he was seeking a court declaration that Najib had acted in conflict of interest when he directed Ambrin to classify the report under the OSA.

Azmin, who is also PKR deputy president, said the conflict of interest arose because Najib was alleged-

ly linked to the 1MDB issue and it became his (Azmin's) responsibility as Gombak member of parliament to uphold the people's rights to access the document.

Azmin claimed this was revealed by Ambrin's testimony during the July 25 Sessions Court trial of PKR secretary-general Mohd Rafizi Ramli, who was accused of possessing and exposing the 1MDB audit report.

Azmin said he sought a court declaration that the OSA classification of the report was unlawful and violated the Federal Constitution.

According to court papers made available yesterday, Azmin said this was because Article 107(1) of the Federal Constitution made it mandatory for the AG to submit the final report to the Yang di-Pertuan Agong so that the document could later be tabled in the Dewan Rakyat, thus making it publicly available.

He is also seeking a court order to compel the three respondents to declassify the 1MDB final report and release it to the public.

Present in court were PKR vice-president Tian Chua, Subang MP R. Sivarasa, Tumpat MP Datuk Kamarudin Jaffar and former Batu Kawan Umno vice-chief Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan.



16 Aug 2016
New Straits Times, Malaysia

Author: No author available • Section: Local News • Page: 20 • Printed Size: 94.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,700.00
PR value: MYR 5,100.00 • Item ID: MY0026778361



 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Azmin: Selangor to review poverty income threshold

SHAH ALAM: The Selangor government will review the poverty income threshold and may raise it from RM1,500 to RM1,980 a month in view of economic challenges, said Menteri Besar Datuk Seri Azmin Ali.

He said a study by Universiti Selangor and Universiti Tunku Abdul Rahman recommended that the new level in Selangor be set at 60 per cent of the state's median household income, which was RM3,300.

"The new poverty income threshold is, however, only a proposal. We can retain the current RM1,500, which was reviewed in 2009. However, looking at the economic situation, I

believe the state should review it," he said after launching the roundtable discussion for the 2017 state budget here yesterday.

Azmin said that the state government would have to study the implications of the Federal Government's contribution to the state should the new level be implemented.

He said the state government would have to hold discussions with the Federal Government on the latter's contribution to the state based on the proposed level.

He also said that the state government would have to diversify its sources of revenue and not depend only on land revenue.



16 Aug 2016
The Star, Malaysia

Author: No author available • Section: Letters • Page: 33 • Printed Size: 52.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,248.00
PR value: MYR 3,744.00 • Item ID: MY0026777817



 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Big difference in quality of service

I WAS amused by the letter "Bravo, Mr Postman, well done" (*The Star*, Aug 12). The address on the envelope was quite illegible and yet the postman managed to deliver the letter.

However, in Subang Jaya, I am still waiting for a letter from the Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) which was supposedly posted in June. The letter is the half-yearly assessment bill. If I don't pay it on or before Aug 31, I will incur a penalty.

I called MPSJ to ask about the bill and was told that quite a number of other households had not received theirs either. I have also visited the post office to ask about non-delivery of letters. The postmaster assured me he would take note of my complaints but till now, I have not seen any improvement in the service.

**ROCCO
Puchong**



16 Aug 2016
The Star, Malaysia

Author: Sheila Sri Priya • Section: Metro • Page: 1TO3 • Printed Size: 1872.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 94,211.00
PR value: MYR 282,633.00 • Item ID: MY0026777915



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Cautious over conversion

The rezoning of 19 areas in Petaling Jaya from residential to limited commercial has received poor response from landowners. >2&3



New status: (From top) Houses in Jalan Universiti, Jalan Dato Abu Bakar and Jalan Kemajuan in Petaling Jaya are among the 633 units that have been rezoned from residential to limited commercial.



16 Aug 2016

The Star, Malaysia

Author: Sheila Sri Priya • Section: Metro • Page: 1TO3 • Printed Size: 1872.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 94,211.00
PR value: MYR 282,633.00 • Item ID: MY0026777915

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 2 of 5

98% yet to accept land conversion in PJ

Differences in value among reasons landowners have not converted status from residential to limited commercial

story by
SHEILA SRI PRIYA

sheilasriprya@thestar.com.my

IN PETALING Jaya, only 14 out of 633 homeowners who were given the opportunity to convert their land from residential to limited commercial, have paid the premium and accepted Selangor government's offer for the land conversion.

The offer was made after a state exco meeting on Feb 5, 2014.

Those offered said they were reluctant to take it because of discrepancies in the land valuation between government and private valuers.

